



SUARA KONTEMPORARI

Kosmo!

www.kosmo.com.my

KHAMIS 16 MAC 2017

RM1 BIL: 169 TAHUN 12 PP13809/08/2012 (030437)



Model sambil berparti sebelum pandu kereta lawar di Pulau Pinang

15 MAR 2017

U.R.D



Lapa anggota bomba bawa lelucon 300 kilo ke hospital



NUR ATHIRAH

Janda muda dicari bantu siasatan kes bakar rumah bekas suami

POLIS Kelantan sedang mengesan seorang janda muda, Nur Athirah Zulkifly, 28, bagi membantu siasatan berhubung dua kejadian kebakaran melibatkan rumah bekas suami serta rumah ibu mertuanya di Kota Bharu pada 11 dan 12 Mac lalu.
Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten

Komisioner Baharom Abu berkata, bekas suami wanita terbabit percaya perbuatan itu dilakukan oleh individu yang tidak berpuas hati apabila mangsa membuat laporan polis bagi menyuruh Nur Athirah memulangkan kereta BMW M5 selepas enam bulan mereka bercerai.

» BERITA DI MUKA 16

Kelantan isytihar wabak H5N1 bencana negeri




DUA kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar melakukan operasi memusnahkan unggas di Kampung Kedondong, Pasir Mas semalam.

- ◆ Kerajaan negeri patuhi MKN 20 selepas penyakit selesema burung merebak di empat daerah
- ◆ Pengusaha itik telur Kampung Kedondong, Pasir Mas rugi RM200,000 kerana ternakan dimusnah

WABAK selesema burung H5N1 yang melanda Kelantan sejak awal bulan lalu semakin buruk sehingga memaksa kerajaan negeri mengisytiharkannya sebagai bencana negeri berdasarkan Arahan Majlis

Keselamatan Negara 20 (MKN 20). Sehingga semalam, wabak yang menyerang unggas seperti ayam dan itik itu telah menyerang 23 buah kampung di daerah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Bachok.

Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, keputusan untuk meletakkan wabak itu di bawah MKN 20 dibuat dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri semalam.



WABAK selesema burung H5N1 yang menyerang unggas ternakan boleh menjangkiti manusia dan membawa maut. - Gambar hiasan

MKN 20 merupakan arahan yang menggariskan mekanisme pengurusan dan bantuan bencana sebelum, semasa dan selepas kejadian. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian,

Katanya, menerusi MKN 20, agensi kerajaan boleh dikerahkan supaya bekerjasama dan mengambil langkah pencegahan bagi mengelak wabak tersebut daripada merebak. Virus H5N1 mula dikesan di Kampung Pulau Tebu, Tunjong, Kota Bharu pada 6 Mac lepas setelah beberapa ekor ayam kampung mati. Pakar-pakar memberi amaran wabak itu jika tidak dikawal boleh menjangkiti manusia dan membawa maut.



MOHD. IMRAN (kanan) dibawa ke Mahkamah Tinggi Johor Bahru se

Bapa bunuh anak dihukumati bersama teman wanita

PERBUATAN seorang bekas pengurus syarikat swasta se teman wanitanya membunuh anak lelaki berusia tiga tahun membawa padah apabila kedua-duanya dijatuhi hukuman ga sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Johor Bahru semalam. Hakim Collin Lawrence Sequerah menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Mohd. Imran Mohd. Ramly, 34, dan Norhidayah Mamid, 30, setelah mendapati pihak pembelaan gagal menibul keraguan munasabah. Mohd. Imran dan Norhidayah dituduh membunuh anaknya, Muhammad Aqeeq Adam, 4, sebuah rumah di Apartmen Putra, Jalan Meranti 7, Kulai, pada 19 Disember 2013.

» BERITA DI MUKA 2 & 3

» BERITA LANJUT DI M

Kerajaan negeri isytihar virus selesema burung sebagai bencana negeri

Kelantan dilanda wabak H5N1

INFO

Empat daerah di Kelantan dilanda wabak H5N1

INFO

Kampung-kampung dilanda H5N1

KOTA BHARU – Kerajaan negeri Kelantan mengisytiharkan wabak selesema burung (H5N1) sebagai bencana negeri ekoran gejala penyakit tersebut yang bermula awal bulan lalu semakin buruk.

Pengisytiharan H5N1 sebagai bencana berkuat kuasa semalam dan masalah tersebut diletakkan di bawah Arahan Majlis Keselamatan Negara 20 (MKN 20).



CHE ABDULLAH

Sehingga semalam, wabak H5N1 yang pada mulanya dikesan di Kampung Pulau Tebu, Tunjong di sini menular ke tiga daerah lain iaitu di Pasir Mas, Pasir Puteh dan Bachok.

Setakat semalam, sebanyak 23 buah kampung di empat jajahan yang terkesan dengan wabak H5N1 yang sedang melanda.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau negeri Kelantan, Datuk Che Abdullah Mat Nawati berkata, mesyuarat Exco kerajaan negeri semalam memutuskan bahawa wabak tersebut diletakkan di bawah Arahan MKN 20.

“Arahan MKN 20 berkaitan dengan arahan yang menggariskan mekanisme pengurusan dan bantuan bencana sebelum, semasa dan selepas kejadian.

“Menerusi Arahan MKN 20, beberapa agensi kerajaan dikerahkan untuk bekerjasama dan mengambil langkah-langkah pencegahan bagi

Pasir Mas
DUA kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar memusnahkan unggas di Kampung Kedondong.

Kota Bharu
KAKITANGAN Jabatan Perkhidmatan Veterinar memeriksa ternakan di sekitar Salor.

Pasir Puteh
KERJA-KERJA memusnahkan haiwan ternakan yang dijangkiti H5N1 di Kampung Dusun Durian, Tawang.

Bachok
OPERASI memusnahkan haiwan ternakan di Kampung Bukit Merbau, Selinsing.

Gua Musang

170 unggas, 100 biji telur dilupus cegah jangkitan

SAJUDAH BAHAGI – Seramai 170 ekor ayam dan 100 biji telur ayam musnahkan di Kampung Dusun Durian, Tawang, Pasir Puteh, Kelantan semalam. Seramai 170 ekor ayam dan 100 biji telur ayam musnahkan di Kampung Dusun Durian, Tawang, Pasir Puteh, Kelantan semalam.

KERATAN Kosmo! 9 Mac 2017.

mengelak wabak daripada merebak,” kata beliau selepas mesyuarat di Kompleks Kota Darul Naim di sini semalam.

Menurut beliau, virus H5N1 yang menyerang unggas dikesan bermula di Kampung Pulau Tebu pada 6 Mac lalu selepas beberapa ekor ayam kampung mati.

Katanya, wabak berkenaan merebak dengan cepat meskipun kerajaan negeri menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar sudah mengambil langkah awal sebaik ia disahkan positif

H5N1.

“Dua kawasan baharu yang diserang virus H5N1 ialah di Kampung Dusun Durian, Bachok dan Kampung Bukit Merbau, Pasir Puteh.

“Kota Bharu menjadi jajahan paling terjejas membabitkan 18 kampung setakat ini,” kata beliau.

Tambahnya, sehingga kini, sebanyak 23,768 unggas dan 881 telur dimusnahkan membabitkan sebanyak 129 premis sebagai langkah pencegahan.

Bagaimanapun, beliau berkata, setakat ini wabak tersebut masih terkawal dan tiada jangkitan terhadap manusia dilaporkan berlaku.

INFO

Virus selesema burung H5N1

- H5N1 sejenis penyakit berjangkit yang berpunca daripada virus yang menyerang unggas seperti burung, ayam dan itik
- Ia penyakit haiwan yang kebiasaannya menyerang burung dan juga pelbagai unggas lain serta boleh merebak kepada manusia
- Ia disebabkan oleh virus influenza jenis A
- Burung-burung liar yang berhijrah dari satu kawasan ke satu kawasan adalah pembawa utama virus ini

Bahaya kepada manusia

- Virus H5N1 boleh menjangkiti manusia menerusi sentuhan secara langsung dengan unggas yang dijangkiti air liur, lelehan hidung dan najis unggas

Tanda dan gejala jangkitan

- Demam melebihi 38 darjah Celsius
- Gejala H5N1 pada manusia berbeza-beza iaitu daripada selesema, demam, batuk, sakit kerongkong dan sengal otot sehinggalah sakit mata, paru-paru berair dan masalah pernafasan teruk
- Lambat mendapat rawatan boleh membawa maut

Langkah pencegahan

- Amalkan pengendalian unggas yang baik iaitu memakai penutup mulut dan hidung, sarung tangan dan kasut but
- Kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun

Jumlah unggas dilupuskan: 23,768 ekor pelbagai spesies unggas dan 881 biji telur